

20/02/1998

NGO usul pelan tindakan atasi masalah pelajar

KUALA LUMPUR, Khamis - Jawatankuasa Bertindak Badan Bukan Kerajaan (NGO) Mempertahankan Kedaulatan Ekonomi Negara (Tindakan) akan mengemukakan satu pelan tindakan bagi menyelesaikan masalah dihadapi pelajar dan pekerja muda, akibat kegawatan ekonomi ketika ini.

Pelan tindakan itu berbentuk cadangan bagi mengatasi masalah berkenaan akan dikemukakan kepada pihak bertanggungjawab pada pertengahan Mac depan.

Jurucakapnya, Saifuddin Abdullah, berkata buat masa ini, jawatankuasa itu sedang mengkaji secara terperinci masalah kewangan dan kemudahan yang dihadapi pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

"Kajian sama turut dijalankan ke atas belia yang dibuang kerja akibat masalah ekonomi hari ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, di sini hari ini.

Pada masa yang sama, Saifuddin yang juga Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), berkata Tindakan sedang mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak untuk membantu pekerja muda dan siswazah yang bakal memasuki alam pekerjaan.

Melalui fasa kedua itu, Tindakan yang ditubuhkan NGO dan dianggotai 11 organisasi itu juga akan mengedarkan risalah penerangan baru, termasuk dalam bahasa Mandarin dan Tamil, bertujuan menggalakkan amalan berjimat cermat di kalangan masyarakat.

Kempen dinamakan 'Belanja Berhemat Kita Selamat' diperkenalkan Disember lalu dan 20,000 risalah diedarkan 30 sukarelawan di 10 pusat beli-belah di ibu kota dan Petaling Jaya.

"Pos Malaysia bersetuju mengedarkan risalah Tindakan di semua pejabatnya di seluruh negara. Sebanyak 500,000 risalah akan diserahkan kepada mereka pada akhir bulan ini," katanya.

Saifuddin berkata, Tindakan juga akan mencetak dan menyebarkan risalah yang memuatkan panduan mengamalkan gaya hidup sederhana sebagai cara paling selamat menghadapi situasi ekonomi yang kurang baik ketika ini.

Pada masa yang sama, katanya, jawatankuasa itu akan menggerakkan kempen mengajak rakyat menyumbang wang, barang kemas dan barang berharga kepada Perbendaharaan sebagai menyokong cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)